

**GARIS PANDUAN PEMBEKAL UNTUK PERSEDIAAN
PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI
SISTEM ePEROLEHAN BAHARU**

**Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia**

ISI KANDUNGAN

GARIS PANDUAN PEMBEKAL UNTUK PERSEDIAAN PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN BAHARU

1	LATAR BELAKANG	1
2	PERSEDIAAN PELAKSANAAN SISTEM ePEROLEHAN (eP) BAHARU OLEH PEMBEKAL	1
	2.1. Persediaan Infrastruktur	1
	2.2. Persediaan Pengguna Sistem eP Baharu	1
	2.3. Aktiviti Persediaan Pembekal	3
3	KHIDMAT BANTUAN.....	4
	3.1 Khidmat Pelanggan	4
	3.2 Unit Pengurusan Pembekal, Commerce Dot Com	4
	3.3 Kaunter eP Centre.....	4

LAMPIRAN

Lampiran 1: Peranan dan Fungsi Bagi Pembekal Sistem eP Baharu

Lampiran 2: Manual Pengaktifan Pembekal bagi Sistem eP Baharu

Lampiran 3: Garis Panduan Perancangan Pembekal bagi Menghadapi
Peralihan Sistem ePerolehan Sedia Ada kepada Sistem
ePerolehan Baharu

GARIS PANDUAN PEMBEKAL UNTUK PERSEDIAAN PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN BAHARU

1. LATAR BELAKANG

Kerajaan sedang membangunkan Sistem ePerolehan (eP) Baharu sebagai transformasi kepada Sistem eP sedia ada. Semua urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding Kerajaan Persekutuan hendaklah dilaksanakan melalui Sistem eP Baharu secara atas talian sepenuhnya mulai 1 Januari 2018.

Semua pembekal yang ingin berurus niaga dengan Kerajaan Persekutuan dikehendaki mempunyai Akaun Asas atau Akaun Kementerian Kewangan (Akaun MoF) dan membuat persediaan sewajarnya bagi membolehkan capaian atau transaksi dalam Sistem eP Baharu.

2. PERSEDIAAN PELAKSANAAN SISTEM eP BAHARU OLEH PEMBEKAL

2.1 Persediaan Infrastruktur

Pembekal hendaklah memastikan spesifikasi minima perkakasan dan perisian yang diperlukan bagi tujuan pelaksanaan Sistem eP Baharu adalah seperti berikut:

2.1.1 Spesifikasi Minima Perkakasan (*Hardware*)

- a) *Processor Pentium Dual Core* atau setaraf;
- b) Kapasiti Memori 1 GB;
- c) Mempunyai sambungan ke Internet; dan
- d) Resolusi skrin 1280 x 800 untuk paparan terbaik;

2.1.2 Spesifikasi Minima Pelayar (*Browser*)

Pelayar *Internet Explorer* versi 9.0 atau *Mozilla Firefox* versi 20 atau *Chrome* versi 24.

2.2 Persediaan Pengguna Sistem eP Baharu

Pembekal hendaklah memastikan keperluan pengguna Sistem eP Baharu dipenuhi sepenuhnya supaya capaian dan transaksi perolehan yang dilaksanakan kelak dapat berjalan dengan lancar.

2.2.1 Capaian

Pembekal hendaklah mempunyai ID pengguna (*username*) dan kata laluan (*password*) untuk capaian ke Sistem eP Baharu. ID pengguna dan kata laluan akan dihantar melalui e-mel yang diisytiharkan oleh pembekal semasa membuat pendaftaran akaun. Sehubungan itu, pembekal hendaklah memastikan akaun e-mel yang sah dikemukakan semasa permohonan ID.

2.2.2 Pendaftaran Akaun

- a) Menerusi Sistem eP Baharu, pembekal diberi pilihan untuk berdaftar sebagai Akaun Asas atau Akaun MoF. Akaun Asas diperlukan sekiranya pembekal bercadang untuk mengurus niaga dengan Kerajaan Persekutuan bagi perolehan bernilai sehingga RM20,000 setahun. Pembekal Akaun Asas boleh memohon untuk menaik taraf kepada Akaun MoF pada bila-bila masa sekiranya diperlukan.
- b) Akaun MoF pula adalah bagi pembekal yang bercadang untuk mengurus niaga dengan Kerajaan Persekutuan bagi perolehan tanpa had nilai.

2.2.3 Peranan dan Pelantikan Pengguna

Pembekal hendaklah mengenal pasti dan melantik pengguna sistem di kalangan personel syarikat yang akan bertindak sebagai Pentadbir Pembekal (*Supplier Administrator - SA*) dan Pengguna Pembekal (*Supplier User - SU*) seperti di **Lampiran 1 - Peranan dan Fungsi Pengguna (Pembekal) Sistem eP Baharu**.

2.2.4 Sijil Digital (Softcert)

- a) Transaksi perolehan Kerajaan melalui Sistem eP Baharu memerlukan penggunaan sijil digital. Satu (1) sijil digital akan diberikan secara percuma kepada satu (1) pengguna sahaja bagi tempoh tiga (3) tahun pertama. Bagi setiap pengguna seterusnya akan dikenakan bayaran sebanyak RM120.00 + 6% GST untuk tempoh tiga (3) tahun. Permohonan sijil digital tambahan boleh dibuat melalui Sistem eP Baharu kelak.
- b) Bagi pembekal sedia ada yang berdaftar dan memiliki sijil digital yang sahlaku (ePXS), sijil tersebut boleh digunakan di dalam Sistem eP Baharu sehingga tempoh sahlaku tamat.

2.2.5 Penyediaan Katalog Atas Talian

Setiap pembekal hendaklah memuat naik sekurang-kurangnya satu (1) katalog ke dalam Sistem eP Baharu bagi membolehkan pembekal mengurus niaga dengan Kerajaan Persekutuan.

2.3 Aktiviti Persediaan Pembekal

Kerajaan dengan kerjasama Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB) sedang melaksanakan beberapa program bagi membantu persediaan pembekal seperti di perkara 2.2 di atas.

2.3.1 Program Pengaktifan Pembekal bagi Sistem ePerolehan Baharu

- a) Program ini bertujuan untuk membolehkan pembekal mengaktifkan akses masuk ke Sistem eP Baharu dengan mengemukakan maklumat Pentadbir Pembekal (SA), katalog dan maklumat asas syarikat serta keperluan latihan;
- b) Program pengaktifan pembekal ini sedang dijalankan secara atas talian dan akan **berakhir pada 31 Oktober 2017**. Oleh itu, pembekal dikehendaki melengkapkan maklumat berkaitan melalui portal Sistem eP dengan merujuk **Lampiran 2 - Manual Pengaktifan Pembekal bagi Sistem ePerolehan Baharu**;
- c) Pembekal akan diberikan ID pengguna dan kata laluan melalui e-mel untuk log masuk ke Sistem eP Baharu. Manakala, *Personal Identification Number* (PIN) untuk pengaktifan sijil digital akan dihantar secara berasingan melalui e-mel sebelum Sistem eP Baharu beroperasi;
- d) ID pengguna, kata laluan dan PIN hanya boleh diguna pakai apabila Sistem eP Baharu mula beroperasi kelak; dan
- e) Pembekal hendaklah memastikan item seperti di perkara 2.3.1 (c) di atas disimpan dengan selamat.

2.3.2 Program Kesedaran dan Latihan

- a) Kementerian Kewangan dengan kerjasama pihak CDCSB sedang melaksanakan beberapa siri program kesedaran dan latihan bagi memastikan pembekal mendapat maklumat terkini mengenai Sistem eP Baharu; dan

- b) Pembekal digalakkan untuk menyertai program kesedaran dan latihan yang dianjurkan dari semasa ke semasa secara hebahan melalui surat, e-mel atau portal rasmi eP.

2.3.3 Tempoh Peralihan ke Sistem eP Baharu

- a) Bagi melaksanakan kerja-kerja migrasi data peringkat akhir dan aktiviti-aktiviti peralihan daripada Sistem eP sedia ada kepada Sistem eP Baharu untuk tujuan operasi bermula pada 1 Januari 2018, capaian dan transaksi dalam Sistem eP sedia ada akan **dihentikan mulai 23 Disember 2017, jam 12.01 pagi. Sistem eP Baharu akan mula beroperasi pada 1 Januari 2018, jam 8.00 pagi.**
- b) Sehubungan itu, setiap pembekal perlu mengambil tindakan sewajarnya supaya tidak timbul sebarang masalah berhubung pendaftaran syarikat semasa tempoh peralihan ini. Selain itu, semua transaksi urus niaga dalam Sistem eP sedia ada hendaklah diselesaikan sebelum operasi sistem dihentikan.
- c) Garis panduan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil oleh pembekal sebelum capaian kepada Sistem eP sedia ada dihentikan adalah seperti di **Lampiran 3 - Garis Panduan Perancangan Pembekal bagi Menghadapi Peralihan Sistem ePerolehan Sedia Ada kepada Sistem ePerolehan Baharu.**

3. KHIDMAT BANTUAN

Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui saluran berikut:

3.1 Khidmat Pelanggan

Telefon : 03-7985 7777

E-mel : bantuan@eperolehan.gov.my

3.2 Unit Pengurusan Pembekal, Commerce Dot Com

E-mel : supplier-onboarding@eperolehan.gov.my

3.3 Kaunter eP Centre

Sila layari portal ePerolehan untuk mendapatkan senarai lokasi kaunter eP Centre di seluruh negara.

4. PENUTUP

Semua pembekal diminta untuk mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan pelaksanaan Sistem eP Baharu berjalan lancar. Kegagalan melaksanakan langkah-langkah di atas akan menyebabkan pembekal tidak dapat bertransaksi dengan Kerajaan Persekutuan apabila Sistem eP Baharu beroperasi kelak.

**Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
9 Jun 2017**